

Prinsip Islam dalam Menghadapi Wabak dan Beberapa Aplikasi Semasa

1. Pendahuluan

Manusia diciptakan Allah s.w.t. sebagai makhluk paling sempurna.¹ Untuk mencapai kesempurnaan tersebut, manusia diuji:

أَحْسِبَ النَّاسُ أَنْ يُتْرَكُوا أَنْ يَقُولُوا آمَنَّا وَهُمْ لَا يُفْتَنُونَ

Apakah manusia mengira mereka akan ditinggalkan sahaja menyatakan kami telah beriman sedangkan mereka tidak diuji?²

Ujian didatangkan dalam pelbagai bentuk:

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالثَّمَرَاتِ وَبَشِيرٍ

الصَّابِرِينَ ()

Pasti kami akan menguji kamu semua dengan sedikit ketakutan, kelaparan, kekurangan harta, jiwa dan buah-buahan. Bergembiralah orang-orang yang sabar.³

Namun begitu, manusia tidak ditinggalkan bersendirian dalam mengharungi segala ujian. Prinsip-prinsip dalam Islam menjadi asas kepada orang Islam secara khususnya untuk berhadapan dengan ujian dalam apa jua bentuk khususnya wabak. Penulisan ini membincangkan tentang prinsip-prinsip dalam Islam yang boleh diaplikasikan dalam menangani wabak. Beberapa aplikasi semasa turut dikemukakan. Perbincangan meliputi tiga aspek utama dalam Islam iaitu akidah,

¹ Surah Zaytun: 4.

² Surah al-Ankabut: 2

³ Surah al-Baqarah: 154.

fiqh dan tasawuf. Prinsip-prinsip Islam diutarakan dengan merangkumi ketiga-tiga aspek yang dinyatakan ini.

2. Tanggungjawab Setiap Individu Menjaga Kesehatan Badan

Islam secara prinsipnya meletakkan tanggungjawab yang berat kepada manusia untuk memastikan dirinya berada dalam keadaan yang baik. Ini adalah kerana keseluruhan aspek manusia itu merupakan amanah Allah ke atasnya. Secara jelas Nabi s.a.w. memberikan penekanan terhadap penjagaan jasad dalam sabda baginda:

فإن لجسدك عليك حقا

Sesungguhnya bagi jasad kamu ke atas kamu ada haknya (yang perlu disempurnakan)⁴

Sehubungan dengan itu, apa jua tindakan yang dilakukan bagi memastikan kesejahteraan diri manusia termasuk memberikan kesihatan kepada jasad dan menjaga jasadnya daripada sebarang kemudaratan adalah merupakan suatu tindakan yang dituntut berasaskan kepada prinsip keagamaan dalam Islam. Ia adalah merupakan tanggungjawab fardu ain ke atas setiap individu.

3. Islam membenarkan usaha penyembuhan

Islam meletakkan prinsip yang jelas membenarkan manusia berusaha mencari penyembuhan daripada apa jua bentuk wabak. Ia dinyatakan dalam bentuk arahan oleh Rasulullah s.a.w. yang ditafsirkan sebagai suatu keizinan dalam agama untuk berusaha mencari penyembuhan⁵:

⁴Riwayat al-Bukhari.

⁵ Ia berasaskan juga kepada kefahaman yang seimbang dengan pilihan yang Nabi s.a.w. berikan kepada seorang wanita sama ada untuk berubat atau bersabar.

عن عبد الله بن عباس -رضي الله عنهما- أنه قال لعطاء بن أبي رباح: ألا أريك امرأة من أهل الجنة؟ قال عطاء: فقُلت: بلى، قال: هذه المرأة السوداء أتت النبي -صلى الله عليه وسلم- فقالت: إني أصرع، وإني أتكشّف، فادعُ الله تعالى لي، قال: «إن شئتِ صبرتِ ولَكِ الجنة، وإن شئتِ دَعَوْتُ الله تعالى أن يُعافيك» فقالت: أصبر، فقالت: إني أتكشّف فادعُ الله أن لا أتكشّف، فدعا لها متفق عليه.

يَا عِبَادَ اللَّهِ تَدَاوُوا فَإِنَّ اللَّهَ لَمْ يَضَعْ دَاءً إِلَّا وَضَعَ لَهُ شِفَاءً

Wahai hamba Allah sekalian, berubatlah. Sesungguhnya Allah tidak mengadakan penyakit melainkan Dia menyediakan obat baginya.⁶

Hadis ini juga memperteguhkan kenyataan bahawa setiap wabak mempunyai penyembuhan yang memperkuat prinsip mencari penyembuhan. Ia dinyatakan dalam hadis yang lain antaranya:

لِكُلِّ دَاءٍ دَوَاءٌ فَإِذَا أُصِيبَ دَوَاءُ الدَّاءِ بَرَأَ بِإِذْنِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ

Bagi setiap penyakit itu ada ubatnya. Maka apabila didapati ubat yang serasi dengan penyakit nescaya sembuhlah ia dengan izin Allah Azza wa Jalla.⁷

مَا أَنْزَلَ اللَّهُ دَاءً إِلَّا أَنْزَلَ لَهُ شِفَاءً

Tidaklah Allah menurunkan sesuatu penyakit melainkan Dia turunkan pula penyembuh.⁸

Tidak dapat dinafikan adanya perbincangan dalam kalangan sarjana berkaitan keutamaan antara bersabar dengan penyakit yang dihadapi ataupun mencari penawar bagi penyakit tersebut seperti mana yang dinyatakan oleh al-Ghazali⁹. Namun begitu, prinsip yang jelas adalah keizinan dalam agama untuk mencari penyembuhan bagi setiap penyakit yang dideritai. Dilihat dari sudut yang lain, bila mana Rasulullah s.a.w. sendiri berusaha mencari penyembuhan, maka ia dapat dilihat sebagai suatu sunnah yang ditunjukkan oleh baginda kepada umatnya untuk berusaha mencari penyembuhan.

⁶ Riwayat Al-Tirmidhi.

⁷ Riwayat Imam Muslim bin Hajjaj.

⁸ Riwayat Al-Bukhari.

⁹ Al-Ghazali, Muhammad bin Muhammad (1994), *Ihya' 'Ulum al-Din*, c. 3, Beirut: Dar al-Khayr, j. 5, h. 170.

Sehubungan dengan itu, segala usaha bagi membendung penularan wabak yang dilakukan pada peringkat individu, komuniti, Negara dan dunia perlu dilihat sebagai suatu usaha yang bertepatan dengan prinsip Islam.

4. Penyembuh Sebenar adalah Allah dan Sebab Musabab adalah Sunnatullah

Prinsip akidah Islam menetapkan bahawa Allah merupakan pencipta bagi segala sesuatu. Rentetan dari itu, apa jua yang berlaku dalam alam ini bersumberkan kepada Allah Taala. Dalam bidang perubatan, manusia wajib meyakini bahawa hakikat kemudaratatan dan kesembuhan adalah daripada Allah semata-mata. Pandangan manusia terhadap kemudaratatan dan kesembuhan dilihat dari sudut sebab musabab dapat diklasifikasikan seperti berikut:

- i. Kesembuhan dan kemudaratatan itu terhasil daripada prinsip sebab musabab tanpa kuasa Tuhan. Pandangan ini adalah pandangan kufur yang bertentangan dengan ajaran Islam.
- ii. Kesembuhan dan kemudaratatan terhasil daripada tabiat semulajadi sesuatu itu tanpa kuasa Tuhan. Pandangan ini juga adalah pandangan kufur yang bertentangan dengan ajaran Islam.
- iii. Kesembuhan dan kemudaratatan terhasil daripada kekuatan atau kemampuan yang Allah jadikan pada sesuatu yang menyembuhkan. Ini adalah pandangan yang salah dan orang yang mempercayainya digolongkan dalam golongan fasiq.
- iv. Kesembuhan dan kemudaratatan terhasil daripada Allah tetapi berlazim-laziman dengan hukum adat dan tiada berpisah kelaziman itu pada pandangan akal. Ini adalah pandangan orang yang jahil.
- v. Kesembuhan dan kemudaratatan itu semata-mata daripada Allah jua.¹⁰ Ini adalah pandangan sebenar Islam yang ditetapkan dalam aqidah Ahli Sunnah Waljamaah.

Hakikat ini bersandarkan kepada firman Allah Taala, antaranya:

الَّذِي خَلَقَنِي فَهُوَ يَهْدِينِ ﴿٢٠٢﴾ وَالَّذِي هُوَ يُطْعِمُنِي وَيَسْقِينِ ﴿٢٠٣﴾ وَإِذَا مَرِضْتُ فَهُوَ يَشْفِينِ ﴿٢٠٤﴾

¹⁰Ahmad bin Muhammad Zin (t.t.), *Faridah al-Fara'id fi 'Ilm al-'Aqa'id*, Fatani: Matba'ah Ibn Halabi, 8-9.

Tuhan yang menciptakan daku (dari tiada kepada ada), maka Dialah yang memimpin dan memberi petunjuk kepadaku; "Dan Tuhan yang Dialah jua memberiku makan dan memberi minum," Dan apabila aku sakit, maka Dialah yang menyembuhkan penyakitku;¹¹

وَإِنْ يَمْسَسْكَ اللَّهُ بِضُرٍّ فَلَا كَاشِفَ لَهُ إِلَّا هُوَ وَإِنْ يُرِدْكَ بِخَيْرٍ فَلَا رَادَّ لِفَضْلِهِ يُصِيبُ بِهِ مَنْ يَشَاءُ مِنْ

عِبَادِهِ وَهُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

Dan jika Allah mengenakan engkau dengan sesuatu yang membahayakan, maka tiada sesiapa pun yang akan dapat menghapuskannya melainkan Dia; dan jika Dia menghendaki engkau beroleh sesuatu kebaikan, maka tiada sesiapa pun yang akan dapat menghalangi limpah kurniaNya. Allah melimpahkan kurniaNya itu kepada sesiapa yang dikendakiNya dari hamba-hambaNya, dan Dialah yang Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.¹²

وَأَيُّوبَ إِذْ نَادَى رَبَّهُ أَيْ مَسَّنِي الضُّرُّ وَأَنْتَ أَرْحَمُ الرَّاحِمِينَ ﴿١٠٩﴾ فَاسْتَجَبْنَا لَهُ فَكَشَفْنَا مَا بِهِ مِنْ ضُرِّ

وَأَتَيْنَاهُ أَهْلَهُ وَمِثْلَهُمْ مَعَهُمْ رَحْمَةً مِنْ عِنْدِنَا وَذِكْرَى لِلْعَابِدِينَ ﴿١١٠﴾

Dan (sebutkanlah peristiwa) Nabi Ayub, ketika baginda berdoa merayu kepada Tuhannya dengan berkata: "Sesungguhnya aku ditimpa penyakit, sedang Engkaulah sahaja yang lebih mengasihani daripada segala (yang lain) yang mengasihani". Maka Kami perkenankan doa permohonannya, lalu Kami hapuskan penyakit yang menyimpannya, serta Kami kurniakan kepadanya: keluarganya, dengan seganda lagi ramainya, sebagai satu rahmat dari Kami dan sebagai satu peringatan

¹¹ Surah al-Shu'ara' (26): 78-80

¹² Surah Yunus (10): 107

bagi orang-orang yang taat kepada Kami (supaya bersabar dan mendapat balasan baik).¹³

Dapat dirumuskan bahawa dalam usaha untuk mencari kesembuhan, maka tidak ada kesembuhan melainkan datang daripada Allah semata-mata.¹⁴ Namun begitu, Islam tidak menafikan sebab musabab secara total. Hubungan antara sebab, *musabbab* dan *musabbib al-asbab* adalah diperakui sebagaimana dalam prinsip Islam sebenar berasaskan aqidah Ahli Sunnah Waljamaah.¹⁵

5. Doa Sebagai Usaha

Prinsip asas dalam Islam adalah menjadikan doa sebagai sebahagian daripada kehidupan harian seorang muslim dalam apa jua keadaan. Dalam keadaan yang kritikal, doa adalah merupakan usaha yang perlu dilakukan:

الدعاء سلاح المؤمن

Doa adalah senjata orang mukmin.¹⁶

Antara doa yang diajarkan oleh Rasulullah s.a.w. ketika menghadapi keadaan yang sukar adalah:

اللهم إني أعوذ بك من البرص، والجُنُونِ، والجُدَامِ، وَسَيِّئِ الْأَسْقَامِ¹⁷

¹³ Surah al-Anbiya' (21): 83-84.

¹⁴Dr. Awang Abdul Aziz bin Juned (2012), *Berubat dengan Perubatan Bumi dan Perubatan Langit*, c. 4, Selangor: al-Hidayah house of Publisher Sdn. Bhd., h. 11.

¹⁵ Dr. Jahit bin Sideq, *Permurnian Parameter Perawatan Alternatif: Suatu Analisa Terhadap Parameter Syarak*, h. 4.

¹⁶ Riwayat al-Hakim.

¹⁷ Riwayat Abu Dawud, al-Nasa'I dan Ahmad.

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْعَظِيمُ الْحَلِيمُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ رَبُّ الْعَرْشِ الْعَظِيمِ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ رَبُّ السَّمَوَاتِ
وَرَبُّ الْأَرْضِ وَرَبُّ الْعَرْشِ الْكَرِيمِ¹⁸

Selain dari itu, qunut nazilah sebagai suatu bentuk aplikasi kepada prinsip ini ketika berlakunya wabak dan bencana secara amnya.¹⁹ Kata Imam al-Shafii:

وَلَا قُنُوتَ فِي شَيْءٍ مِنَ الصَّلَوَاتِ إِلَّا الصُّبْحِ إِلَّا أَنْ تَنْزَلَ نَازِلَةٌ فَيُقْنَتُ فِي الصَّلَوَاتِ كُلِّهِنَّ
إِنْ شَاءَ الْإِمَامُ

Tiada qunut dalam mana-mana solat melainkan solat subuh, kecuali apabila berlaku bencana maka dibaca qunut pada setiap solat sekiranya imam mahu melakukannya.²⁰

Imam al-Nawawi memberikan kenyataan umum terhadap amalan qunut nazilah pada ketika bencana:

“Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung dengan engkau dari al-baras, gila, al-juzam dan penyakit yang merbahaya.”

¹⁸ Muttafaq ‘alayh.

¹⁹ Dar al-iftaa - حكم القنوت في الصلوات في ظل انتشار الوباء (aliftaa.jo)

²⁰ Imam al-Shafii, al-Umm, al-Maktabah al-Shamilah 3.64, j. 1, h. 205.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ - رضي الله عنه - قَالَ: "لَأَقْرَبَنَّ صَلَاةَ النَّبِيِّ - صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - فَكَانَ أَبُو هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ يَقْنُتُ فِي الرَّكْعَةِ الْأَخْرَى مِنْ صَلَاةِ الظُّهْرِ وَصَلَاةِ الْعِشَاءِ وَصَلَاةِ الصُّبْحِ بَعْدَ مَا يَقُولُ سَمِعَ اللهُ لِمَنْ حَمِدَهُ فَيَدْعُو لِلْمُؤْمِنِينَ وَيَلْعَنُ الْكُفَّارَ " متفق عليه.

ولا قنوت في شيء من الصلوات إلا الصبح، إلا أن تنزل نازلة، فيقنت في الصلوات كلهن إن شاء الإمام، وذكر الشافعي أنه لا قنوت في صلاة العيدين والاستسقاء.

والصحيح المشهور أنه إذا نزلت نازلة كعدو وقحط ووباء وعطش وضرر ظاهر بالمسلمين ونحو ذلك، قنتوا في جميع الصلوات المكتوبات.

Pandangan yang sah dan mashur ialah apabila berlaku bencana seperti musuh, kemarau, wabak, kepanasan dan apa jua kemudaratan yang berat ke atas muslim dan yang sepertinya, maka mereka berqunut pada setiap solat wajib.²¹

Antara adab-adab bagi qunut nazilah:

- i. Bagi solat bersendirian, dibaca perlahan. Bagi imam hendaklah dibaca kuat walau pun pada solat bacaan perlahan.²²
- ii. Makmum mengaminkan doa imam.²³
- iii. Bagi selain lafaz doa dalam qunut, makmum masing-masing membaca bacaannya sendiri.²⁴
- iv. Apa jua bacaan doa adalah dibolehkan. Sebaiknya adalah bacaan yang mashur iaitu²⁵

اللهم اهديني فيمن هديت، وعافني فيمن عافيت، وتولني فيمن توليت، وبارك لي

فيما أعطيت، وقني شرّ ما قضيت، إنك تقضي ولا يقضى عليك، إنه لا يذلّ

من واليت، تباركت وتعاليت

- v. Tidak memanjangkan doa.²⁶

²¹ Al-Nawawi, Sharah Sahih Muslim, al-Maktabah al-Shamilah 3.64, j. 2, h. 481.

²² Al-Ansari, Asna al-Matalib, al-Maktabah al-Shamilah 3.64, j. 1, h. 159.

²³ Al-Ansari, Asna al-Matalib, al-Maktabah al-Shamilah 3.64, j. 1, h. 159. Diriwayatkan oleh Abu Dawud.

²⁴ Al-Ansari, Asna al-Matalib, al-Maktabah al-Shamilah 3.64, j. 1, h. 159.

²⁵ Al-Nawawi, Sharah Sahih Muslim, al-Maktabah al-Shamilah 3.64, j. 2, h. 481.

²⁶ Al-Nawawi, Sharah Sahih Muslim, al-Maktabah al-Shamilah 3.64, j. 2, h. 481.

- vi. Dibaca sehingga diangkat bencana walau pun dalam tempoh yang lama. Nabi s.a.w. sendiri pernah membaca qunut nazilah selama sebulan.²⁷
- vii. Boleh mendoakan secara khusus dengan menyatakan nama tertentu.²⁸

Dari sudut aplikasi, doa perlu diperbanyakkan dalam menghadapi wabak. Amalan yang diwarisi dari Nabi s.a.w. perlu diutamakan dalam pelaksanaan berbanding dengan amalan-amalan tambahan yang lain. Sebagai contoh, amalan qunut nazilah dalam solat fardu berjemaah perlu diutamakan untuk dilaksanakan berbanding mengadakan solat sunat hajat berjemaah.

6. Membasmi Kemudaratan

Prinsip ini dinyatakan sebagai (الضرر يزال). Ia dilihat terpakai dalam pelbagai cabang hukum dalam Islam. Ia berasaskan kepada nas-nas Quran dan Hadis antaranya

وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ

حديث أنسٍ - رضي الله عنه - لما سئل: هل فنت رسول الله صلى الله عليه وسلم في صلاة الصبح؟ قال: "نعم بعد الركوع يسيراً" أخرجه مسلم.

27

عن أنس بن مالك رضي الله عنه: "أن رجلاً ودكوان وعصية وبني لحيان استمدوا رسول - صلى الله عليه وسلم - على عدو فأمدهم بسبعين من الأنصار كنا نسميهم الفراء في زمانهم كانوا يجتطبون بالنهار ويصلون بالليل حتى كانوا يبرر معونة فتلوهمم وعدروا بهم فبلغ النبي صلى الله عليه وسلم ففنت شهراً يدعو في الصبح على أحياء من أحياء العرب على رجل ودكوان وعصية وبني لحيان قال أنس فقرأنا فيهم قرآناً ثم إن ذلك رفع (بلغوا عنا قومنا أنا لقينا ربنا فرضي عنا وأرضانا) ". أخرجه البخاري.

28

عن أبي هريرة - رضي الله عنه -: "أن النبي - صلى الله عليه وسلم - كان إذا قال سمع الله لمن حمده في الركعة الأخيرة من صلاة العشاء فنت اللهم أنج عياش بن أبي ربيعة اللهم أنج الوليد بن الوليد اللهم أنج سلمة بن هشام اللهم أنج المستضعفين من المؤمنين اللهم أشد وطأتك على مضر اللهم اجعلها عليهم سبب كسبي يوسف " أخرجه البخاري.

Berinfaklah pada jalan Allah dan janganlah kamu melemparkan diri kamu sendiri ke dalam kerosakan. Berbuat ihsanlah sesungguhnya Allah mengasihi orang yang berbuat ihsan.²⁹

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ - : أَنَّ النَّبِيَّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - ، قَالَ : لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ

Daripada Abu Sa'id al-Khudri r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda: Tidak boleh memudharatkan dan tidak boleh dimudharatkan.³⁰

Atas prinsip ini, wabak yang menimbulkan kemudharatan dari pelbagai sudut perlu ditangani dan diatasi. Apabila wabak sudah sampai kepada keadaan yang mengancam asas-asas kehidupan maka menjadi suatu kewajipan dari sudut agama untuk diberikan keutamaan untuk dibasmi dan dihilangkan. Perlu dipertegaskan bahawa kewajipan memastikan kemudharatan daripada wabak ditangani tidak terletak ke atas pihak pemerintah sahaja, malahan ia merupakan suatu kewajipan fardu ain ke atas setiap individu. Lebih-lebih lagi apabila berhadapan dengan wabak berbentuk jangkitan yang tidak dapat diatasi melainkan dengan kerjasama setiap anggota masyarakat. Sehubungan dengan itu, beberapa tindakan yang dilakukan adalah selaras dengan prinsip ini:

- i. Menetapkan prosuder-prosuder keselamatan bagi membendung wabak.
- ii. Mengenakan hukuman yang setimpal kepada mereka yang tidak melaksanakan prosuder-prosuder yang ditetapkan.

²⁹ Surah al-Baqarah: 195

³⁰ Hadis Hasan diriwayatkan oleh Imam Ibnu Majah dan al-Daraqutni dan lain-lainnya dengan bersanad. Ia juga diriwayatkan oleh Imam Malik.

7. Kemudaratan membolehkan perkara dilarang

Prinsip ini dinyatakan sebagai (الضرورة تبيح المحظورات). Ia dilihat terpakai dalam pelbagai cabang hukum dalam Islam sebagaimana boleh memakan makanan yang haram³¹ dan melafazkan ungkapan syirik ketika darurat³². Namun begitu, penetapan keharusan itu perlu melalui proses dan prosuder yang betul khususnya dengan memastikan ia adalah benar-benar merupakan suatu yang disifatkan sebagai darurat atau hajiyyat³³. Secara menjurus, dalam bidang perubatan kedapatan Hadis Rasulullah SAW yang menegaskan larangan penggunaan perkara yang diharamkan dalam pengubatan:

إِنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ الدَّاءَ وَالذَّوَاءَ وَجَعَلَ لِكُلِّ دَاءٍ دَوَاءً فَتَدَاوَوْا وَلَا تَدَاوَوْا بِحَرَامٍ

Sesungguhnya Allah yang menurunkan penyakit dan ubatnya, dan menjadikan bagi setiap penyakit ada ubat, maka berubatlah tetapi jangan sesekali berubat dengan sesuatu yang diharamkan.³⁴

Namun begitu, kedapatan beberapa perkara yang tidak dibenarkan sama sekali, antaranya:

1. Melakukan proses pengubatan dengan perkara syirik. Syirik adalah menyekutukan Allah Taala sama ada pada zat, sifat dan *af'ali*Nya. Dengan erti kata lain, menisbahkan kepada sesuatu yang lain daripada Allah sesuatu yang merupakan *khususiyah* (sifat khusus) Allah Taala. Islam menolak segala bentuk kesyirikan.³⁵
2. Menggunakan sihir bagi tujuan pengubatan.

Pengharaman amalan ahli sihir adalah amat jelas seperti Hadis di bawah:

³¹ Surah al-'An'am: 119

³² Surah al-Nahl: 106.

³³ Ini adalah kerana hajiyyat diletakkan pada kedudukan daruriyyat seperti mana kaedah:

الحاجة تنزل منزلة الضرورة

³⁴ Riwayat Abu Dawud. Namun begitu, masih kedapatan para sarjana yang membolehkan penggunaan perkara yang diharamkan berasaskan antara lain kaedah dan prinsip yang dinyatakan ini.

³⁵ Lihat perbincangan tentang syirik dan pembahagiannya dalam al-Quran dalam Mohd Faizal Abdul Khir, *et. al.* (2013), *Konsepsi al-Tanzih Imam al-Qushayri*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 47-52.

مَنْ أَتَى كَاهِنًا أَوْ سَاحِرًا فَصَدَّقَهُ بِمَا يَقُولُ فَقَدْ كَفَرَ بِمَا أَنْزَلَ عَلَى مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Barangsiapa mendatangi tukang tilik atau ahli sihir dan mempercayai kata-katanya maka sesungguhnya dia telah kufur dengan apa yang diturunkan kepada Muhammad SAW.³⁶

3. Menggunakan amalan tukang tilik

Pengharaman amalan tukang tilik adalah amat jelas seperti Hadis di bawah:

قَالَتْ عَائِشَةُ سَأَلَ أَنَسُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الْكُهَّانِ فَقَالَ هُمْ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَيْسُوا بِشَيْءٍ قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ فَإِنَّهُمْ يُحَدِّثُونَ أَحْيَانًا الشَّيْءَ يَكُونُ حَقًّا قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تِلْكَ الْكَلِمَةُ مِنَ الْجِنَّ يَخْطِفُهَا الْجِنِّي فَيَقْرُهَا فِي أُذُنِ وَلِيِّهِ قَرَّ الدَّجَاجَةِ فَيَخْلِطُونَ فِيهَا أَكْثَرَ مِنْ مِائَةِ كَذْبَةٍ

Saidatina Aishah pernah bercerita bahawa: Ada orang bertanya kepada Rasulullah SAW tentang dukun / bomoh dan sihir lalu baginda menjawab: Mereka itu tidak memberi apa-apa kesan pun”. Para sahabat menyampuk: “Wahai Rasulullah! Kadang-kadang mereka mengatakan sesuatu yang benar.” Baginda pun bersabda: “ Perkataan itu sebenarnya adalah daripada jin yang mencuri dengar perkataan itu. Lalu diulang-ulangkannya ke telinga orang yang sedia mematuhinya sebagaimana ulangan kokokan ayam. Maka mereka menambah-nambah dengan beratus-ratus pembohongan.”³⁷

Dapat dirumuskan bahawa dalam keadaan darurat, perkara-perkara yang dilarang adalah dibenarkan. Namun begitu, ia perlu memenuhi segala garis panduan yang ditetapkan. Sehubungan dengan itu, beberapa tindakan yang dilakukan adalah selaras dengan prinsip ini:

³⁶ Riwayat al-Bazzar dan Abu Dawud.

³⁷ Riwayat Muslim bin Hajjaj,

- i. Menetapkan prosuder-prosuder keselamatan yang menghalang pergerakan masyarakat bagi membendung wabak.
- ii. Menggunakan bahan-bahan yang diharamkan penggunaannya bagi menghasilkan penawar bagi wabak. Namun perlu diingatkan ia perlu berada pada tahap darurat atau hajiyat.

8. Pengupayaan dan Pengoptimaan Sumber

Secara prinsipnya segala apa yang ada di dalam alam ini adalah diciptakan untuk kegunaan manusia³⁸:

وَسَحَّرَ لَكُمْ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ جَمِيعًا مِنْهُ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ

Dia telah menundukkan untuk kamu sekalian yang ada di langit dan apa yang ada di bumi keseluruhannya daripadanya. Sesungguhnya dalam yang demikian itu, tanda-tanda bagi kaum yang berfikir.³⁹

Sehubungan dengan itu, manusia perlu memaksima segala sumber bagi digunakan untuk melawan wabak. Kecuaian dalam memanfaatkan sumber-sumber yang ada menunjukkan kepada sifat tidak bersyukur terhadap kurniaan Tuhan dan membayangkan keangkuhan manusia. Secara amnya, para ulama menetapkan bahawa penggunaan kaedah dan bahan dalam pengubatan adalah harus selagi ia tidak diharamkan oleh syarak.⁴⁰ Asas keharusan ini adalah mengikut kepada kaedah:

الْأَصْلُ فِي الْأَشْيَاءِ الْإِبَاحَةُ حَتَّى يَدُلَّ الدَّلِيلُ عَلَى عَدَمِ الْإِبَاحَةِ

³⁸ <https://www.alukah.net/sharia/0/84931/#ixzz6vTHmBg41>

³⁹ Surah al-Jathiah: 13

⁴⁰ Dr. Haron Din, *Rawatan Penyakit Jasmani (1)*, c.2, Selangor: Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia & Koperasi Darussyifa' Berhad, h.69

Asal hukum segala perkara itu adalah harus sehingga adanya dalil yang menunjukkan ketidakharusannya.⁴¹

Oleh yang demikian, dalam konteks menghadapi wabak, dapat difahami bahawa semua kaedah yang digunakan selagi mana tidak terdapat dalil mengenai pengharamannya maka ia adalah diterima atau dengan kata lain hukumnya adalah harus dan perlu dioptimalkan. Sehubungan dengan itu, dalam usaha pengubatan, Nabi s.a.w. menggunakan pelbagai kaedah yang tersedia pada zaman baginda s.a.w. Antaranya baginda s.a.w. menggunakan kaedah besi panas seperti mana diriwayatkan oleh Jabir Ibn 'Abd Allah r.a.:

رُمِيَ أَبِيُّ يَوْمَ الْأَحْزَابِ عَلَى أَكْحَلِهِ فَكَوَاهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

"Ubay bin Ka'ab telah dipanah pada urat lengannya dalam peperangan Ahzab, maka Rasulullah SAW meletakkan besi panas (untuk mengubatnya).⁴²

Begitu juga baginda s.a.w. menggalakkan penggunaan madu dan berbekam:

الشِّفَاءُ فِي ثَلَاثَةٍ شَرْبَةَ عَسَلٍ ، وَشَرْطَةَ مُحْجَمٍ ، وَكَيَّْةَ نَارٍ ، وَأَنْهَى أُمَّتِي عَنِ الْكَيِّ

Kesembuhan itu terdapat pada tiga perkara: meminum madu, berbekam dan dan bakar api (*alkayy*). Tetapi aku melarang umatku melakukan pembakaran dengan api.⁴³

Baginda turut menerima amalan pengubatan yang berasal daripada amalan ketika jahiliyyah selagi mana tidak bertentangan dengan prinsip Islam. Hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Jabir r.a. membincangkan tentang amalan jampi yang diperselisihkan:

⁴¹ Dr. 'Abd al-Karim Zaydan (1982), *al-Wajidh fi Usul al-Fiqh*, Beirut: Maktabah al-Risalah, h. 215; Dr. Harny Mohd Yusoff *et.al*, *Fikah Perubatan*, Selangor: PTS Millenia Sdn. Bhd., h. 67; Jalaluddin 'Abdul Rahman bin Abi Bakr al-Suyuti (2005), *Al-Asybah wa al-Naza'ir fi Qawa'id wa Furu' Fiqh al-Syafi'iyyah*, c.3, Beirut: Dar Al-Kutub al-'Ilmiyyah, j. 1, h. 131.

⁴² Riwayat Imam Muslim bin al-Hajjaj.

⁴³ Riwayat al-Bukhari.

نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الرَّقِيِّ فَجَاءَ آلُ عَمْرٍو بْنِ حَزْمٍ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّهُ كَانَتْ عِنْدَنَا رُقِيَّةٌ نَزَقِي بِهَا مِنَ الْعُقْرِبِ وَإِنَّكَ كَهَيْتَ عَنِ الرَّقِيِّ قَالَ فَعَرَضُوهَا عَلَيْهِ فَقَالَ مَا أَرَى بَأْسًا مَنْ اسْتَطَاعَ مِنْكُمْ أَنْ يَنْفَعَ أَحَاهُ فَلْيَنْفَعُهُ

Rasulullah SAW telah melarang dari jampi-menjampi. Maka datanglah keluarga ‘Amr Ibn Hazm menemui Rasulullah SAW lalu berkata: “Wahai Rasulullah SAW, kami mempunyai jampi yang boleh menjampi sengatan kala jengking, sedangkan engkau melarang kami daripada menjampi.” Lalu mereka membacakan jampi tersebut kepada Nabi SAW (bagi mendapat kepastian). Maka sabda Nabi SAW; “Aku lihat ia tidak mengapa. Sesiapa di antara kalian yang mampu untuk membantu saudaranya, maka hendaklah dia melakukannya.”⁴⁴

Sehubungan dengan itu, dalam mendepani wabak yang menjarah, maka segala bentuk kaedah dan wasilah perlu diupayakan, dioptima dan digembeleng. Beberapa tindakan yang dilakukan adalah selaras dengan prinsip ini:

- i. Menggunakan sumber kewangan yang mencukupi untuk menangani wabak.
- ii. Menetapkan prosuder-prosuder keselamatan bagi membendung wabak.

Namun begitu, beberapa tindakan masih boleh dilakukan bagi memenuhi prinsip ini:

- i. Pihak-pihak yang berkaitan perlu menerokai aspek-aspek perubatan yang pelbagai. Perubatan konvensional yang mendominasi masyarakat perlu disokong dengan perubatan-perubatan alternatif yang tersedia dan boleh dilaksanakan. Apatah lagi dalam keadaan perubatan konvensional sudah berada pada tahap kritikal dan mungkin tidak mampu menangani wabak ini bersendirian. Pengoptimuman aspek-aspek perubatan yang pelbagai ini juga amat penting dilakukan bagi mendokong tindakan-tindakan yang dilakukan berasaskan prinsip “kemudaratan membolehkan perkara dilarang”. Ini adalah kerana, jika ada pilihan-pilihan lain yang boleh

⁴⁴ Riwayat Imam Muslim bin al-Hajjaj.

dilakukan, maka sesuatu itu masih belum boleh diklasifikasikan sebagai tindakan yang diambil di bawah prinsip “kemudaratan membolehkan perkara dilarang”.

- ii. Pihak-pihak yang berkaitan boleh melakukan eksplorasi dalam aspek-aspek berkaitan. Sekiranya kemampuan adalah terhad bagi melakukan eksplorasi untuk menyediakan penyembuhan, maka eksplorasi boleh dilakukan dalam aspek “prevention” atau aspek-aspek sokongan yang lain. Sebagai contoh, eksplorasi boleh dilakukan bagi membina prosuder untuk menentukan individu-individu yang telah membina imunisasi secara alami.

9. Menghindari kemudaratan lebih utama dari mendapatkan kemaslahatan

Ianya dinyatakan sebagai (درء المفسد أولى من جلب المصالح). Kaedah ini didasari antara lain kepada Hadis Nabi s.a.w⁴⁵:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ - رضي الله عنه - قال : سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - يَقُولُ
: مَا هَيِّئْتُكُمْ عَنْهُ ، فَاجْتَنِبُوهُ ، وَمَا أَمَرْتُكُمْ بِهِ ، فَأْتُوا مِنْهُ مَا اسْتَطَعْتُمْ ، فَإِنَّمَا أَهْلَكَ الَّذِينَ مِنْ
قَبْلِكُمْ كَثْرَةُ مَسَائِلِهِمْ وَاجْتِلَافُهُمْ عَلَى أَنْبِيَائِهِمْ.

Daripada Abu Hurairah Abdul Rahman ibn Sokhrin r.a. beliau berkata: Aku telah mendengar Rasulullah SAW bersabda: Apa-apa yang aku larang kamu melakukannya, maka hendaklah kamu menjauhinya, dan apa-apa yang aku perintahkan kamu melakukannya, maka lakukanlah seberapa daya kamu. Sesungguhnya umat yang terdahulu daripada kamu telah binasa lantaran banyak persoalan dan banyak perselisihan mereka dengan Nabi-nabi mereka.⁴⁶

⁴⁵ Ahmad al-Zarqa' (1993) Sharh al-Qawa'id al-Fiqhiyyah, c. 3, Dimasyq: Dar al-Qalam, h. 205.

⁴⁶ Muttafaq 'alayh.

Sehubungan dengan itu banyak perkara adalah dilarang walau pun dilihat ada kebaikannya kerana kemudaratannya itu besar dan lebih utama untuk dihindari. Antaranya Quran melarang para sahabat bertanya kepada Nabi s.a.w. dalam beberapa keadaan dan situasi bagi mengelakkan kemudaratannya yang lebih utama untuk dihindari:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَسْأَلُوا عَنْ أَشْيَاءَ إِنْ تُبَدَّ لَكُمْ تَسْؤُكُمْ

Wahai orang-orang beriman, jangan kamu bertanya tentang sesuatu yang apabila didedahkan kepada kamu akan menyusahkan kamu. Al-Ma'idah: 101.

Beberapa tindakan yang dilakukan adalah selaras dengan prinsip ini:

- i. Menghindari kemudaratannya penularan wabak dengan menghalang kemaslahatan solat berjemaah dengan jumlah yang ramai.
- ii. Menghindari kemudaratannya penularan wabak dengan menghalang kemaslahatan kebebasan untuk bergerak melalui limitasi pergerakan.
- iii. Menghindari kemudaratannya penularan wabak dengan menghalang kemaslahatan daripada perniagaan melalui limitasi waktu perniagaan.

10. Mentaati pemerintah

Islam meletakkan prinsip mentaati pemerintah dalam kehidupan bernegara seorang muslim. Sudah pasti, mentaati pemerintah ada limitasi sebagai yang dinyatakan oleh Nabi s.a.w:

إِنَّمَا الطَّاعَةُ فِي الْمَعْرُوفِ

Sesungguhnya ketaatan itu adalah dalam perkara kebaikan.⁴⁷

⁴⁷Muttafaq 'alayh. Lihat juga nas yang lain:

وفي "المسند" عن أنس: أن معاذ بن جبل قال: يا رسول الله، أرايت إن كان علينا أمراء لا يستنئون بسنتك، ولا يأخذون بأمرك، فما تأمر في أمرهم؟ فقال رسول الله - صلى الله عليه وسلم - : ((لا طاعة لمن لم يُطع الله - عز وجل -)) . من رواية أم الحصين الأحمسية، قالت: سمعتُ رسول الله - صلى الله عليه وسلم - يخطبُ في حجة الوداع، فسمعتُه يقول: ((يا أيُّها النَّاسُ، اتَّقوا الله، وإن أُمِرَ عليكم عبدٌ حبشيٌّ مجدِّعٌ، فاسمعوا له وأطيعوا ما أقام فيكم كتاب الله)) أخرجه: أحمد 402/6، والترمذي (1706)، وقال الترمذي: ((حسن صحيح))

Prinsip penting ini perlu diketengahkan dalam menghadapi wabak bagi memperlihatkan kedudukan dan peranan pemerintah dari satu sudut dan tanggungjawab rakyat untuk mematuhi dari satu sudut yang lain. Ini adalah kerana wabak melibatkan suatu bentuk kemudaratan yang berlaku dengan skala yang besar. Sehubungan dengan itu, prinsip mentaati pemerintah adalah amat penting dalam menghadapi wabak kerana pemerintah adalah pihak yang melaksanakan urus tadbir masyarakat yang terjebak dalam sesuatu wabak. Prinsip ini berasaskan kepada beberapa nas:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ

Wahai orang-orang beriman, taatilah Allah, taatilah Rasul dan ulil amri daripada kalangan kamu⁴⁸

اسمعوا وأطيعوا ، وإن استعمل عليكم عبدٌ حبشيٌّ ، كأنَّ رأسه زبيبةٌ.

Dengar dan taatlah sekali pun seorang hamba diperintahkan mengetuai kamu semua seolah-olah kepalanya seperti sebiji anggur⁴⁹

Sehubungan dengan itu, pemerintah perlu memastikan tanggungjawab menguruskan wabak dengan penuh amanah dan kesungguhan bagi memastikan kemaslahatan rakyat. Ia bersesuaian dengan kaedah:

تصرف الإمام على الرعية منوط بالمصلحة

Tindakan pemimpin terhadap rakyat adalah berdasarkan masalah⁵⁰

⁴⁸ Surau al-Nisa': 59

⁴⁹ Riwayat al-Bukhari.

⁵⁰ Al-Sayuti dalam *al-Ashbah wa al-Naza'ir, al-Kitab al-Thani, al-Qa'idah al-Khamisah*. Lihat http://library.islamweb.net/newlibrary/display_book.php?flag=1&bk_no=36&ID=90

Manakala rakyat perlu memastikan tanggungjawab mematuhi ketetapan pemerintah. Oleh kerana itu, berasaskan prinsip Islam, mematuhi peraturan dan prosuder yang ditetapkan perlu dilihat dari sudut perkaitan dengan hukum akhirat dan bukan sahaja hukum keduniaan. Sehubungan dengan itu juga, ia berkait dengan ganjaran pahala dan balasan dosa.

Beberapa tindakan yang dilakukan adalah selaras dengan prinsip ini:

- i. Pihak pemerintah melakukan segala tindakan bagi membendung penularan wabak.
- ii. Rakyat mematuhi segala prosuder yang telah ditetapkan oleh pemerintah.

11. Menutup Medium Keburukan

Ianya dinyatakan sebagai (سد الذريعة). Sadd al-dhari'ah bermaksud menghalang sesuatu tindakan yang dibenarkan yang mana ia membawa kepada kemudaran.⁵¹ Dalam ungkapan lain ia juga dinyatakan sebagai perkara-perkara yang pada zahirnya adalah harus tetapi membawa kepada tindakan yang dilarang.⁵² Ia berasaskan kepada prinsip hubungan antara sesuatu tindakan dengan kemudaran yang berlaku natijah dari tindakan tersebut. Sehubungan dengan itu, berkhawatir dilarang kerana ia membawa kepada zina.⁵³

Aplikasi Sadd al-dhari'ah juga digunakan dalam situasi yang mana perkara yang dilarang bertukar menjadi halal bila mana perkara yang dilarang itu boleh menghalang kemudaran yang lebih besar. Ia dapat dilihat dengan jelas dalam keharusan membayar wang tebusan kepada musuh

⁵¹ 'Abd al-Karim Zaydan (2009), *al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*, Beirut: Maktabah al-Risalah, h. 195. <https://islamicbankers.files.wordpress.com/2015/08/blocking-the-means-111.pdf>. (21/6/2017).

⁵² Ibn Rushd al-Jadd. 1988. *Al-Muqaddimat al-Mumahhidat*. Dar al-Gharb al-Islami. J. 2, h. 39.

الأشياء التي ظاهرها الإباحة ويتوصل بها إلى فعل المحظور

⁵³ Alizi Alias, (2005) "Social Science Research Methods and Statistics From an Islamic Perspective" (Paper presented at the International Conference of Quantitative Sciences and Its Application organised by Faculty of Quantitative Sciences, Universiti Utara Malaysia) 6th-8th December, UUM. Accessed from: http://irep.iium.edu.my/673/1/SOCIAL_SCIENCE_RESEARCH_METHODS_AND_STATISTICS_fro_m_an_Islamic_perspective.pdf. (19/7/2017)

bagi membebaskan orang Islam walau pun pada asasnya adalah haram memberikan wang kepada musuh.⁵⁴

Dalam menghadapi wabak, prinsip ini diaplikasi dengan jelas melalui arahan Nabi s.a.w. yang melarang orang memasuki kawasan wabak dan melarang orang yang berada dalam kawasan wabak untuk keluar daripadanya. Sabda Nabi s.a.w:

إذا سمعتم الطاعونَ بأرض فلا تدخلوها وإذا وقع بأرض وأنتم فيها فلا تخرجوا منها.

Sekiranya kamu dengar akan ta'un di sesuatu tempat maka jangan kamu memasukinya. Sekiranya ta'un terjadi di sesuatu tempat dan kamu berada di dalamnya maka jangan kamu keluar daripadanya.⁵⁵

Beberapa tindakan boleh dan wajar dilakukan berasaskan kepada prinsip ini, antaranya:

- i. Menghalang orang ramai keluar dari rumah bagi mengelakkan mereka terjebak atau menjadi ejen kepada penyebaran wabak.
- ii. Menghalang orang ramai dari mengadakan perhimpunan sama ada berbentuk ibadat atau keraian biasa bagi mengelakkan penularan wabak.
- iii. Menghadkan kehadiran pekerja di tempat kerja bagi mengelak penularan wabak.

12. Melakukan Amalan Kebaikan Khususnya Bersedekah

Sebagaimana prinsip doa yang diterima sebagai suatu bentuk usaha, maka amalan kebaikan juga adalah merupakan suatu usaha yang boleh dilakukan untuk membendung sesuatu wabak.

54

http://www.irfi.org/articles4/articles_5001_6000/what%20do%20islam%20and%20public%20health%20have%20in%20commonhtml.htm. (18/7/2017)

⁵⁵ Muttafaq 'alayh.

Secara amnya beberapa bentuk kebaikan yang dilakukan akan dapat menolak kemudaratan.⁵⁶ Ia selaras dengan firman Allah Taala:

مَا يَفْعَلُ اللَّهُ بِعَذَابِكُمْ إِنْ شَكَرْتُمْ وَأَمَنْتُمْ وَكَانَ اللَّهُ شَاكِرًا عَلِيمًا

Tiada Allah mengazab kamu semua sekiranya kamu semua bersyukur dan beriman. Adalah Allah Maha Membalas dan Maha Mengetahui.⁵⁷

وَمَا كَانَ اللَّهُ لِيُعَذِّبَهُمْ وَأَنْتَ فِيهِمْ وَمَا كَانَ اللَّهُ مُعَذِّبَهُمْ وَهُمْ يَسْتَغْفِرُونَ

Tiada Allah mengazab mereka semua ketika mana engkau berada bersama mereka. Tiada Allah mengazab mereka semua ketika mana mereka semua beristighfar.⁵⁸

Amalan bersedeqah juga dapat menghindarkan penyakit:

بَاكُرُوا بِالصَّدَقَةِ فَإِنَّ الْبَلَاءَ لَا يَتَخَطَى الصَّدَقَةَ

Bersegeralah dengan bersedeqah. Sesungguhnya bala tidak melewati sedeqah.⁵⁹

فَإِذَا رَأَيْتُمْ ذَلِكَ فَادْعُوا اللَّهَ وَكَبِّرُوا وَصَلُّوا وَتَصَدَّقُوا

Apabila kamu melihat yang demikian itu (gerhana atau perkara yang menakutkan) maka berdoalah kepada Allah, bertakbir, berselawat dan bersedeqahlah.⁶⁰

⁵⁶ mostafaaladwy.com (ما صحة حديث «بكرُوا بالصدقة؛ فإن البلاء لا يتخطاها - الموقع الرسمي لفضيلة الشيخ مصطفى العدوي

⁵⁷ Surah al-Nisa': 147

⁵⁸ Surah al-Anfal: 33

⁵⁹ Riwayat al-Bayhaqi, al-Sunan al-Kubra, j. 4, h. 189.

⁶⁰ Muttafaq 'alayh.

Nabi s.a.w. secara jelas menyatakan beberapa bentuk amalan kebaikan yang perlu dan boleh dilakukan apabila berhadapan dengan wabak. Segala amalan kebaikan ini perlu dan wajar disebarkan dalam masyarakat untuk diamalkan secara kolektif. Sehubungan dengan itu, tindakan pihak berkuasa menggalakkan solat sunat hajat adalah bertepatan dengan kaedah ini dan amalan-amalan lain juga wajar diberikan penekanan.

13. Kesimpulan

Dapat disimpulkan bahawa Islam mempunyai prinsip-prinsip yang sempurna bagi diaplikasikan untuk membendung wabak. Ia memperlihatkan sisi kesempurnaan Islam dan karakteristik Islam yang sesuai pada setiap masa dan tempat.